KONSEP PINJAMAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

PENDAHULUAN

Pada era ini, berhutang merupakan trend sama ada bagi memenuhi kehendak atau kemahuan manusia. Manusia mendam-bakan kehidupan yang mewah tetapi dengan berhutang.Perkara ini perlu dititi-kberatkan kerana Allah hanya akan beri apa yang kita perlu bukan mahu dan setiap perkara ditakdirkan olehnya termasuk rezeki kehidupan.

DALIL

Sesungguhnya ***Allah memberi rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya tanpa hisab*** [surah al-Imran ayat 37]

PANDANGAN ISLAM MENGENAI AMALAN HUTANG

~ Islam tidak mengalakkan umatnya berhutang demi kepuasan atau kepentingan diri yang didorong oleh hawa nafsu.

~ Berhutang memberi impak yang buruk kepada diri dan ahli keluarga.

~ Islam menyarankan umatnya menjalani kehidupan yang sederhana serta bersifat qana'ah.

~ Rasulullah menyamakan perbuatan berhutang dan tidak dilangsaikan seperti orang yang mati dalam keadaan kufur.

PANDANGAN ISLAM MENGENAI AMALAN HUTANG (cont)

Abu Said al-Khudriyy meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: ***"Aku memohon perlindungan daripada Allah daripada perbuatan kufur dan hutang. Seorang lelaki bertanya kepada Baginda, adakah kamu samakan kekufuran dengan hutang wahai Rasullullah? Baginda menjawab: Ya, mohon dilindungi daripada hutang"***

PINJAMAN AL- ARIYAH

AL-ARIYAH (**pinjaman**)

*** BAHASA** : Perpindahan

* **ISTILAH** : Memberikan manfaat sesuatu benda yang halal kepada orang lain dengan tidak merosakkan keadaan asal benda itu apabila dipulangkan semula kepada pemilik asal

***HUKUM** : HARUS

RUKUN

a) Peminjam

b) Pemberi pinjam

c) Barang pinjaman

d) Sighah

KONSEP

Pemberian sesuatu barang bagi tujuan penggunaan manfaat tersebut secara percuma

Pinjaman yang melibatkan barangan atau benda yang tidak musnah apabila digunakan misalnya kereta, telefon bimbit, baju dan buku


Barangan asal yang perlu dipulangkan kepada tuannya dan bukan barang gantian

PINJAMAN AL- ARIYAH (cont)


Jika barang mudah musnah seperti sabun maka akad pinjaman tidak sah

CONTOH: A meminjamkan bukunya kepada B selama 2 minggu. Selepas 2 minggu, B perlu memulangkan semula buku A dalam keadaan asal tanpa kerosakan

DALIL PINJAMAN AL- ARIYAH



HADIS PINJAMAN AL- ARIYAH



PINJAMAN AL-QADR AL-HASAN

AL- QADR (hutang)

***BAHASA**: Al-qat'u (potong)

***ISTILAH**: Penyerahan barang daripada pemiutang kepada peminjam dengan syarat diganti dengan nilai/barang yang sama

***HUKUM** : SUNAT

OBJEKTIF

- Membantu golongan yang memerlukan

- Merapatkan jurang perbezaan antara golongan kaya dan miskin

- Mengukuhkan sektor sosio ekonomi Negara

RUKUN

1) Pemiutang (orang yang beri hutang)

2) Peminjam

3) Barang yang dipinjam

Sponsored by **CrosswordCheats.com**
Learn to solve cryptic crosswords!
http://crosswordcheats.com

PINJAMAN AL-QADR AL-HASAN (cont)

4) Sighah (lafaz ijab dan kabul)

KONSEP

Pinjaman melibatkan barang yang boleh diganti kembali

Peminjam perlu pulangkan kembali barang dalam bentuk gantian bukan bentuk asal

Dikenali sebagai salaf iaitu peminjam membayar kembali pinjaman tanpa sebarang tambahan

PRINSIP

1) Disebut ***pinjaman yang baik*** (al-qadr al-hasan)

2) Mengharamkan sebarang bentuk pinjaman wang yang mempunyai faedah

3) Penghutang perlu membayar balik hutang tanpa sebarang faedah

4) Pemberian hutang atau pinjaman wang

CONTOH: A memberi hutang kepada B sebanyak Rm 1000 untuk tempoh sebulan . Dalam tempoh sebulan B memulangkan semula hutang dengan nilai yang sama iaitu Rm 1000 dan bukan pulangkan wang kertas yang asal

DALIL AL-QADR AL- HASAN (SURAH AL-HADID)



HADIS AL-QADR AL- HASAN



PENJANA SOSIO EKONOMI UMMAH

PENJANA UMMAH

1) Amanah Ikhtiar Malaysia

2) Skim pajak gadai Islam(Ar-Rahnu)

3) Koperasi dan Bank

PRINSIP-PRINSIP UMUM KETIKA BERHUTANG

1. Menulis kontrak

2. Tidak mengenakan kadar faedah kepada peminjam

3. Menyelesaikan semua hutang sebelum pembahagian harta si mati

4. Wajib pulang wang pada tempoh yang dijanji

BANTUAN KEPADA ASNAF AL-GHA-RIMIN

TUJUAN

1. Mewujudkan keseimbangan dalam aspek sosial dan ekonomi dalam masyarakat

2. Meringankan beban yang dihadapi oleh golongan yang dibelenggu hutang atau asnaf al-gharimin

BANTUAN

1. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (baitumal)

GEJALA CETI HARAM

1. Perniagaan pemberian pinjaman wang tanpa lesen yang sah(Ah Long)

2. Mengenakan kadar faedah

3. Bertentangan dengan syariat Islam

KESAN

1. Keruntuhan rumah tangga

2. Perpecahan dalam keluarga

LARANGAN RIBA

RIBA

***BAHASA** : Tambahan

***ISTILAH** : Penambahan nilai ke atas sesuatu pinjaman yang disyaratkan oleh pemberi pinjaman

***HUKUM** : HARAM

DALIL RIBA



HADIS RIBA



KESIMPULAN

1. Islam merupakan agama yang telah menyediakan jalan kehidupan yang syumul

2. Islam mengharuskan umatnya berhutang atau membuat pinjaman kewangan hanya dalam keadaan terdesak atau sangat memerlukan

3. Umat Islam dianjurkan untuk menjalani kehidupan secara bersederhana dan bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan oleh Allah

4. Islam telah mensyariatkan instrumen pemberian pinjaman kewangan yang tidak membebankan pengguna menerusi prinsip al-qard al-hasan

Sponsored by **CrosswordCheats.com**
Learn to solve cryptic crosswords!
http://crosswordcheats.com